

20 AUG 2002

Syed Hamid-Myanmar/I

BELUM MASANYA JUMPA SUU KYI, KATA SYED HAMID

KUALA LUMPUR, 20 Ogos (Bernama) -- Pertemuan antara pegawai-pegawai Malaysia dan pemimpin pembangkang Myanmar, Aung San Suu Kyi, tidak diadakan semasa lawatan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke negara itu dua hari lepas kerana "masanya belum sesuai", kata Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar.

"Oleh kerana Perdana Menteri adalah rakan kuat Myanmar, satu daripada harapan kita semasa lawatan ke Myanmar itu adalah melihat kemungkinan berjumpa Aung San Suu Kyi bagi mengetahui perkembangan proses pemulihan di sana," katanya pada sidang berita di sini.

"Suasana semasa tidak mengizinkan kita bertemu beliau kerana pihak Myanmar merasakan tidak wajar bahawa apabila kita membuat lawatan rasmi hasil jemputan mereka, kita pula hendak bertemu Aung San Su Kyi."

Syed Hamid berkata beliau memang teringin untuk menemui Suu Kyi tetapi apa juga yang Malaysia akan lakukan, ia tidak mahu dilihat sebagai cuba mencampuri urusan politik dalaman sesebuah negara.

"Pada masa yang sesuai nanti, saya berharap untuk berjumpa Aung San Suu Kyi," katanya.

Mengenai satu jadual pertemuan antara beliau dan Suu Kyi yang tidak berlangsung semasa lawatan Dr Mahathir itu, Syed Hamid berkata sebenarnya tidak ada pembatalan walaupun persiapan telah dibuat untuk satu perjumpaan.

"Kita akur kepada keadaan dalam negeri. Kita buat persiapan, jika boleh, kita ingin menemuinya. Tetapi oleh kerana mereka mahukan hanya (hubungan) Myanmar-Malaysia, iaitu antara kerajaan sekarang dengan kita, sudah tentu kita tidak mahu mendesak untuk bertemu beliau (Suu Kyi)," katanya.

Beliau berkata Malaysia faham tentang kedudukan kerajaan Myanmar.

"Mereka sedang cuba menjalankan proses itu mengikut cara yang mereka rasakan mampu membawa ke peringkat seterusnya kerana mereka mempunyai masalah dalaman lain seperti keadaan politik, penduduk pelbagai etnik dan kedudukan ekonomi," kata Syed Hamid.

Menurutnya, hakikat bahawa kerajaan Myanmar telah membekaskan Suu Kyi adalah satu kemajuan besar tetapi mereka juga sedar mereka perlu mengambil langkah lain, dan masyarakat dunia sedang mengikutinya dengan teliti.

Mengenai pendirian Asean, Syed Hamid berkata pertubuhan itu bersetuju supaya tidak ada campur tangan dalam urusan politik dalaman sesebuah negara.

-- BERNAMA  
MSL AZH MAI